

MALAYSIA MILIK KITA BERSAMA

PERJUANGAN 45 TAHUN PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP)

2595
AN

WAN HAMIDI HAMID


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

MALAYSIA MILIK KITA BERSAMA

PERJUANGAN 45 TAHUN PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP)

I & D Print Enterprise
18, Jalan PBS 14/10,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.



WAN HAMIDI HAMID

PUSTAKA PERDANA



1008741



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Hakcipta © DAP Malaysia, 2011

Edisi Pertama, March 2011

Diterbitkan oleh

Ibu Pejabat Kebangsaan DAP Malaysia

Jalan Yew (off Jalan Pudu),

55100 Kuala Lumpur.

Tel +603-9200 5000

Fax +603-9200 7000

Hakcipta terpelihara. Tiada satu pun bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa jua cara, tanpa kebenaran penerbit terlebih dahulu.

Penulis adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendapat dan pandangan yang dinyatakan dalam buku ini yang mana tidak semestinya menggambarkan pendapat penerbit.

Gambar Muka Hadapan oleh Lim Tzyy Ang

Reka Cipta Muka Hadapan dan Format Kandungan oleh REFSA

Jenis Fon: Times New Roman Saiz Fon: 10

ISBN: 978-983-9820-39-3

Dicetak oleh

I & D Print Enterprise

18, Jalan PBS 14/10,

Taman Perindustrian Bukit Serdang,

43300 Seri Kembangan,

Selangor Darul Ehsan.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

KANDUNGAN

PENGANTAR

Catatan Lim Guan Eng V

PENGENALAN

Catatan Anthony Loke VII

BAHAGIAN PERTAMA: Sejarah ringkas DAP

Perjuangan 45 tahun DAP 3

BAHAGIAN KEDUA: Prinsip perjuangan politik DAP

Malaysian Malaysia 17

Demokrasi Sosial 23

Asal-usul Sosialisme 27

Siapa Komunis? 37

Utamakan Rakyat Malaysia 41

Jalan Tengah Malaysia 45

BAHAGIAN KETIGA: Cabaran semasa dan masa depan DAP

Perpaduan Kaum 69

DAP Anti-Islam? 75

Cauvinis Dan Berfikiran Komunis? 79

Benci DAP? 85

Maulidur Rasul 89

Melayu Pulau Pinang 93

Kontraktor Melayu 97

Dari Malaysian Malaysia Kepada Utamakan Rakyat Malaysia 101

LAMPIRAN

Deklarasi Setapak 1967	111
Lambang Raket	125
Kerajaan Berjiwa Rakyat Untuk Rakyat Malaysia Sebenar	127
Progam 100 Hari Pakatan Rakyat	133
Piagam DAP - Jalan Tengah Malaysia	135
Bersatu Menentang Kekejaman Israel	147
Jangan Lihat Pada Kaum	153
Laungan 1 Malaysia Hanya Slogan Kosong	159
Catatan Penerbit	164
Mengenai Penulis	165



PENGANTAR

Selama 45 tahun DAP berjuang untuk mewujudkan demokrasi yang tulen yang membolehkan rakyat Malaysia hidup aman damai, sayang-menyayang antara satu sama lain tanpa rasa bimbang atau takut. Perjuangan DAP adalah berteraskan kepada demokrasi sosial yang berprinsip Utamakan Rakyat Malaysia melalui amalan Jalan Tengah Malaysia. Perjuangan ini memastikan setiap warga Malaysia menikmati hak dan peluang yang sama tanpa diskriminasi, sama ada penindasan yang dilakukan atas nama kaum, agama, gender atau kedudukan.

Namun, selama 45 tahun DAP dicaci dan dihina oleh pemerintah terutamanya UMNO dan Barisan Nasional. DAP dihentam teruk oleh pemimpin-pemimpin UMNO serta pengikut-pengikut mereka dalam Barisan Nasional seperti MCA, Gerakan dan MIC. Tetapi DAP tetap tabah dalam menghadapi kecaman dan ancaman yang semuanya itu fitnah dan bohong semata-mata. Yang menyedihkan, sehingga hari ini masih ada orang yang percaya kepada penipuan yang dilakukan oleh golongan-golongan pelampau kaum dan agama.

Mengapa masih ada orang yang percaya dengan fitnah terhadap DAP? Jawapannya ialah sejak Merdeka lagi, media massa dikuasai oleh pemerintah. Sejak dari zaman Perikatan sehingga hari ini, media arus media termasuk akhbar harian, TV dan radio dikawal dan dikuasai oleh kerajaan UMNO dan BN. Kerana itulah, segala fitnah terhadap DAP disebarkan dengan meluas tanpa memberi peluang kepada pihak kami untuk menjelaskan perkara yang sebenar. Sebab itu juga masih ada rakyat yang takut atau bimbang dengan DAP kerana mereka terlalu mudah percaya dengan pembohongan dibuat oleh UMNO dan BN.

Dengan itu, saya mengalu-alukan penerbitan buku ini kerana ia sedikit-sebanyak dapat menjelaskan apa yang benar dan apa yang fit-

nah. Malah, buku ini juga dapat mendekatkan pembaca dengan sejarah perjuangan DAP yang selama ini telah dipesongkan oleh kumpulan-kumpulan yang benci kepada demokrasi, keadilan dan kebebasan. Ini juga penting kerana terlalu sedikit bahan bacaan berkenaan DAP yang ditulis secara objektif dan adil dalam Bahasa Melayu yang berada di pasaran.

Namun, saya ingin mengingatkan pembaca bahawa walau pun buku ini bersifat objektif, ia turut memuatkan pemerhatian, pandangan dan pendapat penulisnya yang tidak semestinya mencerminkan pendirian rasmi DAP. Apa pun, ini menjadi bukti bahawa DAP memang selama ini bersikap terbuka dalam menerima pelbagai pandangan, termasuk kritikan yang membina.

Semoga buku ini dapat menambah pengetahuan pembaca dan menggalakkan perdebatan yang sihat di kalangan rakyat Malaysia yang mahu kepada perubahan positif yang membawa kepada kesejahteraan dan keharmonian masyarakat serta negara.

Lim Guan Eng
Setiausaha Agung DAP
Mac 2011

PENGENALAN

“DAP anti-Melayu! DAP anti-Islam!” Inilah tohmahan-tohmahan yang sering disumbatkan oleh propagandis UMNO ke dalam pemikiran masyarakat Melayu Malaysia selama lebih 40 tahun ini. Memang saya akui bahawa propaganda UMNO begitu efektif sekali selama ini sehinggakan DAP berjaya digambarkan sebagai “musuh” orang Melayu dan justeru itu orang Melayu memerlukan UMNO untuk mempertahankan hak-hak mereka daripada “dirompak” oleh kaum lain khasnya DAP.

Mengapa mereka berjaya sebelum ini? Media arus perdana Bahasa Melayu yang menjadi ejen propagandis kepada UMNO memainkan peranan utama ini. Rata-rata masyarakat Melayu bergantung kepada Utusan Malaysia dan Berita Harian sebagai akhbar paling utama mereka. Untuk media elektronik pula, saluran RTM dan Buletin Utama TV3 merupakan sumber informasi yang paling utama. Bayangkan, pernahkah sesiapa membaca atau mendengar apa-apa berita yang positif mengenai parti ataupun pemimpin DAP dalam media-media ini? Kebiasaannya, DAP ditonjolkan sebagai sebuah parti cauvinis Cina yang sering kali mempersoalkan hak-hak istimewa orang Melayu. Tambahan pula, rencana-rencana yang ditulis dalam Minggu Malaysia mengemudi pemikiran masyarakat Melayu ke arah itu.

Apa sahaja yang dilakukan ataupun penerangan daripada DAP selalunya akan berkesudahan dalam tong sampah di pejabat editor. Ini yang menjadi modus operandi parti UMNO selama ini untuk cuba menguburkan DAP daripada berkembang menjadi sebuah parti yang mendapat sokongan berbilang kaum rakyat Malaysia. Namun, transformasi masyarakat Malaysia dalam sedekad yang lalu yang dipacu melalui gelombang teknologi internet telah membantu sedikit seban-

yak memecahkan tembok pemikiran negatif tersebut terhadap DAP di kalangan masyarakat Melayu pada hari ini.

Apakah falsafah perjuangan DAP? Adakah kebangkitan DAP dalam arena politik negara dan pentadbiran kerajaan yang disertai oleh DAP akan menghakis kedudukan orang Melayu dan justeru itu kepentingan dan kebajikan mereka akan tergadai? Saya merasakan persoalan-persoalan ini perlu diperjelaskan untuk menyakinkan masyarakat Melayu sekiranya kita ingin melihat kewujudan sistem pentadbiran dua parti di Malaysia.

DAP bertunjangkan ideologi demokrasi sosial. Apa maksudnya? Di antara prinsip-prinsip penting yang diperjuangkan ialah keadilan sosial, kesamarataan peluang (*equality of opportunity*), kebebasan dan solidariti. Demokrasi maksudnya kita membawa obor perjuangan kita melalui sistem pilihanraya dan bukannya melalui sebarang cara yang tidak mengikut lunas perlembagaan. Hakikatnya, DAP bertanding dalam sistem pilihanraya di Malaysia sejak tahun 1965 lagi dan walaupun sering kali bersaing di atas padang yang tidak sama rata, kami tetap menerima setiap keputusannya.

Mungkin prinsip-prinsip yang saya perkatakan tadi terlalu abstrak bagi masyarakat umum. Namun keadilan sosial boleh ditakrifkan sebagai keadilan untuk masyarakat dari segi layanan, pertimbangan dasar dan bantuan kepada mereka yang miskin dan terpinggir tanpa melihat warna kulit dan latarbelakang agamanya. Adakah prinsip-prinsip ini bertentangan dengan ajaran agama Islam? Jawapannya tentu tidak! Perdebatan dalam perkara ini sering menjadi hangat di Dewan Rakyat. Setiap kali Ahli Parlimen DAP bangun menimbulkan isu ini, ada sahaja YB dari UMNO yang bangun yang cuba memutar-belitkan bahawa DAP menentang bantuan kerajaan untuk orang Melayu. "Smash" ini cukup mudah dibalas. Sekiranya prinsip ini dipraktikkan, kan ramai yang mendapat bantuan itu terdiri daripada masyarakat Melayu juga yang benar-benar memerlukannya. Perbezaannya, golongan Cina dan India atau apa-apa kaum yang lain yang juga memerlukan bantuan tetap diberi perhatian. Adakah masyarakat Melayu di akar umbi akan berasa dengki? Saya cukup yakin tidak.